

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
NO. 2, JALAN LEMBAH, PETALING JAYA
MAJLIS PERHIMPUNAN AGONG KE-ENAM PERTUBUHAN
PERKUMPULAN PEREMPUAN SEMENANJUNG MALAYSIA
08 DISEMBER 1990**

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-Dif Kehormat;Puan-puan sekalian.

Saya berasa sukacita kerana dapat bersama-sama dengan ahli-ahli Perkumpulan Perempuan Semenanjung Malaysia di majlis Perhimpunan Agung yang ke-enam Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Semenanjung Malaysia pada pagi ini.

2. Saya difahamkan bahawa Pertubuhan ini telah ditubuhkan 38 tahun yang lampau dengan tujuan utamanya hendak meninggikan taraf hidup kaum wanita khususnya di luar bandar. Projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang untuk ahli-ahli telah mendapat sambutan yang sangat baik dan memuaskan.

Puan-puan sekalian,

3. Sebagaimana puan-puan sedia maklum, apa juga tugas yang puan-puan jalankan pada masa ini ialah untuk kebaikan bagi generasi yang akan datang. Generasi yang akan datang pula hendaklah menyedari bahawa segala nikmat yang mereka terima ialah daripada tugas-tugas dan rancangan-rancangan generasi sekarang. Dengan cara ini suatu pendirian yang kukuh dapat disemaikan untuk generasi yang akan datang.

4. Di negara kita kaum wanita telah diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam semua aspek pembangunan dan kemajuan. Oleh yang demikian, saya berharap puan-puan hendaklah menggunakan peluang ini sepenuhnya supaya kaum wanita dapat mencapai taraf yang sama dengan kaum wanita di negara-negara maju.

5. Pada hemat saya, Pertubuhan ini adalah satu-satunya Pertubuhan yang progresif dan banyak memberi sumbangan kepada masyarakat. Ahli-ahlinya juga mencerminkan penduduk negara kita, kerana ia terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

6. Kepada wanita-wanita khasnya di luar bandar, saya berharap mereka yang telah lama menjadi ahli Pertubuhan ini meningkatkan lagi usaha untuk mencari lebih ramai lagi ahli supaya mereka dapat memperbaiki diri dan rumahtangga melalui aktiviti-aktiviti yang telah disediakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan di semua peringkat.

Puan-puan sekalian,

7. Dalam zaman pembangunan yang mencabar ini, tidak dapat dinafikan bahawa wanita juga mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat penting: peranan dalam system kekeluargaan sebagai ibu dan pendidik kepada anak-anak. Kaum

wanita adalah merupakan teras kepada pendidikan generasi yang akan datang. Ia merupakan jalinan penghubung di antara kehendak masyarakat dan generasi yang akan datang.

8. Saya difahamkan bahawa Pertubuhan Perkumpulan Perempuan adalah bekerja menuju kepada 'long term programmes' di tempat-tempat yang tertentu untuk menghubungkan 'Community Development Schemes' yang ada, di mana wanita di luar Bandar mencampuri dan memainkan peranan mengenai kesihatan ibu dan anak, pertukangan tangan, syarikat kerjasama, projek-projek kecil yang mendatangkan hasil, urusan rumahtangga dan lain-lain. Moga-moga dengan adanya ketua-ketua yang bertanggungjawab di semua peringkat, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Semenanjung akan lebih berjaya dalam menenuhi hasrat dan cita-cita murninya.

9. Saya percaya perwakilan yang hadir di Perhimpunan Agung yang ke-VI ini akan menunjukkan suatu cara dan pemikiran yang positif, untuk mengambil tindakan yang lebih bermakna untuk masa yang akan datang.

Puan-puan sekalian,

10. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih atas sambutan yang puan-puan sekalian berikan kepada saya pada pagi ini. Mudah-mudahan Pertubuhan ini akan sentiasa diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala dan menempa kemajuan dan kejayaan pada tahun-tahun yang akan datang.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.